

# **Konsep Kendiri Dalam Hubungan Keluarga (part 2)**

**Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya**

## **i) Fasa pertama( Perkembangan tingkah laku permulaan)**

Dalam fasa ini perkembangan tingkah laku adalah berasaskan kepada pengurangan ketegangan dalaman yang berpunca daripada desakan dalaman. Proses ini berlaku dalam lingkungan enam bulan pertama selepas kelahiran. Keperluan dalaman menghasilkan keinginan dan isyarat supaya bertindak. Apabila ketegangan berlaku, beberapa respon dilakukan untuk mengurangkan ketegangan tersebut. Contohnya apabila bayi lapar, dia akan menangis untuk menarik perhatian ibu supaya diberi susu. Bayi adalah autistik dan tidak mempunyai kesedaran berkenaan dunia sosial. Lama-kelamaan, bayi menyedari cara pengurangan ketegangan adalah berkaitan dengan tindakannya. Oleh itu, dia akan mengulangi tindakan tersebut untuk mengurangkan ketegangan dan ia dilihat sebagai pengalaman yang menyeronokkan.

Dalam fasa ini, kecerdasan, kebolehpercayaan dan kemesraan ibu bapa memberikan peneguhan yang penting. Pada usia setahun, kanak-kanak menganggap bahawa ibu adalah orientasi bagi mereka, di mana kehadiran ibu di sisi adalah sumber kepuasan. Selepas itu proses sosialisasi akan mengambil alih perkembangan tingkah laku yang seterusnya.